

# Tidak harus baca doa akhir tahun?

**T**ULAR baru-baru ini mengatakan doa akhir tahun yang dibaca sempena penutup tahun 1441 Hijrah tidak harus dibaca kerana tiada dalam riwayat hadis. Adakah benar begitu?

## Soal Jawab Agama

Bersama **DR. MOHAMMAD NIDZAM ABDUL KADIR AL-JARUMI**  
Pensyarah di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia dan pendakwah bebas. Kemusykilan boleh diajukan ke [nidium@yahoo.com](mailto:nidium@yahoo.com)

Konsep doa adalah luas dan terbuka. Doa tidak sama seperti bilangan rakaat solat yang tetap walau dalam keadaan rajin atau iman kuat.

Ini kerana rakaat solat tidak terbuka luas kepada ijtihad.

Hal sama juga dengan bacaan surah al-Fatihah dalam solat yang tidak dapat diganti dengan bacaan surah

lain kerana ia termasuk dalam rukun solat.

Adapun doa, konsepnya luas. Doa boleh diucapkan dalam apa sahaja bahasa.

Doa boleh diucapkan tanpa mengadap kiblat dan doa yang baik adalah dibenarkan dalam Islam.

Ini kerana terdapat nas al-Quran memerintahkan agar

berdoa kepada Tuhan Yang Esa.

Jika doa akhir tahun tidak harus dibaca kerana Rasulullah tidak berdoa begitu, maka pelbagai jenis doa sebenarnya juga tidak diajar oleh baginda.

Contohnya, doa agar anak lulus Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR)

dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Doa ini tidak pernah diajar oleh nabi, justeru adakah haram berdoa untuk anak lulus dalam UPSR atau SPM?

Tidak haram bahkan berdoa adalah baik, kerana doa luas konsepnya.

Oleh itu, berdoa pada

akhir tahun termasuk dalam konsep berdoa.

Namun, fadilat berdoa akhir tahun sebagaimana dinyatakan akan menyebabkan seseorang selamat daripada gangguan syaitan selama setahun, ini adalah palsu sekadar pengetahuan saya.



## Akikah secara berasingan

**A**KIKAH bagi bayi lelaki ialah sebanyak dua ekor kambing. Adakah harus dilakukan secara berasingan? Sebagai contoh seekor di rumah keluarga bapa manakala seekor lagi di rumah keluarga ibu?

Afdal disembelih bersama,

namun tidak menjadi halangan untuk diadakan berasingan.

Ini kerana amalan akikah adalah sunah yang sunat. Bilangan dua ekor kambing bagi anak lelaki juga adalah sunat.

Maka, tiada kesalahan jika disembelih berasingan.

## Fadilat doa akhir tahun hanya palsu

**J**IKA fadilat berdoa akhir tahun adalah palsu, maka lebih baik ditinggalkan bacaan doa akhir tahun?

Tidaklah begitu. Doa akhir tahun termasuk dalam konsep berdoa kepada Tuhan. Ya, fadilatnya mungkin palsu,

tetapi berdoa adalah amalan yang dituntut dalam Islam.

Ini sama sebagaimana seseorang yang sakit berdoa agar diberi kesihatan yang baik, namun beliau tetap masih dalam keadaan sakit.

Doa tetap dilakukan kerana ia ibadah walaupun nampaknya

penyakit masih belum sembuh.

Kita juga selalu berdoa agar dipanjangkan usia sedangkan had usia seseorang telah ditetapkan.

Adakah doa dipanjangkan usia tidak perlu dilakukan?

Tidak, bahkan ia termasuk dalam konsep berdoa kepada Tuhan.

## Keraguan tidak jatuh haram

**S**AYA bekerja dengan syarikat minyak dan gas. Antara bahan yang digunakan ialah lemak babi bagi menghasilkan minyak tertentu. Adakah pekerjaan saya halal?

Asal pekerjaan sebegini adalah harus dan halal. Pendapatan juga adalah halal. Kemungkinan ada sedikit unsur keraguan, namun unsur keraguan ini tidaklah menjadikan pekerjaan itu sebagai haram.

